

02/08/1999

Pas, Keadilan cuba pertikai kebolehan PM

PANTAI REMIS, Ahad - Parti pembangkang iaitu Pas dan Keadilan didakwa cuba menarik sokongan orang Melayu dengan mempertikaikan kewibawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan pimpinannya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata parti pembangkang juga cuba memainkankan kembali emosi rakyat semata-mata untuk meraih simpati supaya rakyat menyokong mereka.

Menurutnya, isu memainkan emosi rakyat yang digembar-gemburkan oleh parti pembangkang hanya akan membawa kepada perpecahan dalam masyarakat di negara ini.

"Pas dan Keadilan cuba menarik sokongan orang Melayu dengan cuba menyerang kepimpinan Dr Mahathir dan kerajaan. Ini adalah politik berbahaya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Dr Lim berkata, perpecahan hanya berlaku di kalangan orang Melayu terutamanya di bandar tetapi ia tidak membabitkan perpecahan di kalangan bangsa Cina dan India di negara ini.

"Orang Cina dan India lebih suka menikmati kehidupan yang harmoni dan stabil di negara ini kerana ia akan lebih memberi faedah kepada rakyat berbilang bangsa," katanya.

Perpecahan di kalangan orang Melayu pada tahun 1969 turut mempengaruhi kaum Cina dan India dan ia turut memberi kesan terhadap kekalahan Perikatan di beberapa kawasan pada pilihan raya ketika itu.

Menurutnya, rakyat di negara ini diharap supaya terus memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir yang telah berjaya membuktikan kewibawaan dalam mentadbir negara ke arah pembangunan yang lebih pesat.

"Kita berjaya menghadapi masalah kegawatan ekonomi dengan cara kita sendiri tanpa bergantung kepada kuasa luar.

"Ini membuktikan kerajaan yang ada ketika ini mampu mentadbir negara dengan baik dan membawa keharmonian kepada rakyatnya yang berbilang bangsa," katanya.

(END)